

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (50)

31 Oktober 2025
9 Jamadilawwal 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 48/2025

PENUBUHAN UTM JS-SEZ (UTM JOHOR-SINGAPORE SPECIAL ECONOMIC ZONE)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Khas UTM Bil. 2/2025 pada 3 September 2025 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan UTM JS-SEZ (UTM Johor-Singapore Special Economic Zone).

2. Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) merupakan inisiatif kerjasama antara Malaysia dan Singapura, untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dan meningkatkan kesaling hubungan antara kedua-dua negara, khususnya memfokuskan kepada perniagaan rentas sempadan. Sehubungan dengan itu, penubuhan UTM JS-SEZ adalah untuk menempatkan UTM sebagai pembekal bakat bagi industri yang berkembang pesat di JS-SEZ.

3. Tujuan utama penubuhan UTM JS-SEZ adalah:

- i. Menyediakan platform strategik untuk pembangunan bakat menerusi program latihan teknikal, profesional dan akademik;
- ii. Mengukuhkan kolaborasi antara institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan dan pemain industri utama melalui penubuhan konsortium;
- iii. Membangunkan kurikulum adaptif dan responsif secara bersama dengan pihak berkepentingan di UTM JS-SEZ, dengan tumpuan terhadap pemupukan kompetensi masa hadapan (*future-ready competencies*).

4. Pejabat UTM JS-SEZ akan ditempatkan di pejabat *Johor Talent Development Council* (JTDC) yang beroperasi di kawasan Medini Iskandar Puteri. Penubuhan UTM JS-SEZ ini berkuatkuasa pada **1 Oktober 2025** dan struktur organisasi UTM JS-SEZ adalah seperti di Lampiran 1. Semua warga Universiti diminta untuk mengambil maklum berkaitan penubuhan UTM JS-SEZ.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Pagoh)
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

STRUKTUR ORGANISASI
UTM JOHOR-SINGAPORE SPECIAL ECONOMIC ZONE (UTM JS-SEZ)

